

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	13 APRIL 2017

Sokong tugas baharu Hishammuddin bantu PM

BH-13/4/2017

➔ Zahid yakin pelantikan kukuh hubungan dua hala, lancar pentadbiran

Oleh **Magendran Rajagopal**
magendran@bh.com.my

✦ Putrajaya

Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yakin Datuk Seri Hishammuddin Hussein mampu untuk melaksanakan tugas yang diamanahkan berikutan pelantikannya sebagai Menteri Dengan Tugas-Tugas Khas.

Timbalan Perdana Menteri, dalam satu kenyataan semalam, berkata beliau menyokong tugas baharu yang diberikan kepada Hishammuddin, yang juga Menteri Pertahanan, untuk membantu Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

“Pelantikan ini amat sesuai dan saya yakin beliau (Hishammuddin) dapat membantu Perdana Menteri dalam misi dan tugas khas bagi mengukuhkan hubungan dua hala dan juga tugas tertentu yang akan membawa kepada kelicinan pentadbiran kerajaan,” katanya.

Sementara itu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi

dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hamzah Zainuddin, berkata pelantikan Hishammuddin sebagai Menteri Dengan Tugas-Tugas Khas adalah tepat pada masanya kerana beliau berpengalaman luas.

Strategi tangani keganasan

Katanya, Menteri Pertahanan itu ada strategi untuk menangani isu berkaitan keganasan di dalam dan luar negara.

Sambil mengucapkan tahniah, beliau berkata, keadaan sekarang memerlukan seorang pemimpin yang komited dan memahami masalah geopolitik serta ancaman Daesh.

“Saya yakin beliau dapat bantu negara dalam merapatkan hubungan Malaysia dengan negara lain khususnya dalam pertahanan dan keselamatan negara.

“Kita memerlukan seorang yang benar-benar berpengalaman menangani masalah keganasan yang timbul hari ini di seluruh dunia,” katanya kepada pemberita selepas menyertai program Briskwalk KPDNKK 2017 di sini, semalam.